

**UCAPAN Y.A.B. TIMBALAN PERDANA MENTERI  
SELAKU YANG DI-PERTUA, PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
DI MAJLIS PEMBUKAAN RASMI  
PAMERAN SEJARAH MALAYSIA DI MUZIUM NEGARA,  
KUALA LUMPUR PADA 17 JANUARI 1967**

---

**Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri dan Puan Sharifah Rodziah,  
Yang Berhormat Menteri-menteri dan isteri,  
Tuan-tuan Yang Terutama dan isteri,  
Tuan-tuan dan Puan-puan;**

**B**agi pihak Persatuan Sejarah Malaysia, saya suka terlebih dahulu mengucapkan selamat datang kepada tuan-tuan dan puan-puan, khususnya kepada Yang Teramat Mulia Tunku, yang dapat meluangkan masa untuk hadir ke majlis pembukaan rasmi Pameran Sejarah Malaysia pada hari ini.

Inilah kali yang pertamanya Persatuan Sejarah Malaysia mengadakan Pameran seperti ini, iaitu sesuai dengan Perlembagaannya yang di antara lain bertujuan bagi menolong di dalam penyiasatan dan penulisan sejarah, serta memberi galakkan yang lebih luas mengenai sejarah, kebudayaan dan adat resam rakyat Malaysia.

Di dalam pameran hari ini tuan-tuan akan dapat melihat dengan selayang pandang sejarah Malaysia dari zaman pra-sejarah, zaman manusia hidup di dalam gua-gua batu, membawa kepada zaman kedatangan pengaruh-pengaruh Hindu pada awal Kurun Masehi. Zaman keagongan Kesultanan Melaka serta kedatangan Portugis yang menjatuhkannya. Zaman Kerajaan Aceh K.M. de XVI; Zaman Kerajaan Johor-Riau serta perbalahannya dengan Bugis dan Belanda, membawalah sampai kekedatangan orang-orang British dan Jepun yang menewaskannya dalam Perang Dunia II; dengan tidak pula melupakan pengaruh-pengaruh dari jiran kita Thailand dari utara.

Sebenarnya, begitu banyak yang hendak dipamerkan, hingga menjadikan pekerjaan memilih dan menapis bahan-bahannya suatu perkara yang rumit pula, lebih-lebih lagilah kerana Dewan inipun sebenarnya adalah kecil untuk pameran seperti ini. Namun demikian Jawatankuasa Pameran ini telah berjaya memberikan kita satu gambaran yang jelas mengenai peristiwa-peristiwa yang penting di dalam peredaran sejarah kita. Saya rasa sudah sepatutnyalah tahniah di atas usaha yang cemerlang ini.

Sukalah saya menambah bahawa bahan-bahan yang dipamerkan ini biasanya tersimpan di Jabatan Arkib Negara dan di muzium-muzium baik di Muzium Negara ini sendiri mahupun di muzium-muzium negeri.

Persatuan ini sekarang sedang giat berusaha untuk menambahkan ahli-ahlinya supaya dapat bergerak dengan lebih luas lagi. Tuan-tuan dan puan-puan yang berminat terhadap sejarah dan yang belum menjadi ahli eloklah berbuat demikian. Begitu juga saya berharap supaya sekolah-sekolah akan mendaftarkan diri menjadi ahli, serta menubuhkan Persatuan Sejarah di sekolah masing-masing. Elok benar rasanya kalau Guru-guru Besar di sekitar Kuala Lumpur menggalakkan murid-muridnya datang menyaksikan Pameran ini. Dengan langkah-langkah ini kita harap sedikit sebanyaknya dapat disemaikan rasa bangga dan cintakan tanahair di kalangan anak-anak muda kita yang akan memikul tanggungjawab terhadap negara ini pada masa hadapan kelak. Hanya dengan perasaan bangga dan cinta, kasih serta sayang, maka seseorang itu sanggup memberi pengorbanan yang setinggi-tingginya terhadap tanahairnya, lebih-lebih lagi bagi Malaysia kita yang mempunyai rakyat yang berbilang bangsa. Ini perlu dipupuk di kalangan anak-anak kita di bangku sekolah; dan dalam perkara seperti inilah pengetahuan sejarah memainkan peranan yang penting dan utama.

Untuk maklumat tuan-tuan dan puan-puan sukalah saya sebutkan bahawa Persatuan ini juga dari satu ke satu masa menerbitkan majalahnya "Malaysia in History" atau "Malaysia dari segi sejarah," yang dimuatkan dengan rencana-rencana yang bersangkutan paut dengan berbagai aspek sejarah negeri ini.

Di dalam menjalankan rancangannya Persatuan ini adalah berhubung rapat dan mendapat kerjasama yang penuh dengan Muzium Negara, Jabatan Arkib Negara serta Jabatan Sejarah Universiti Malaya. Pameran kita pada hari ini merupakan bukti dari kerjasama yang seperti itu. Kepada semua pihak yang berkenaan saya ucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi tahniah.

Di sini sukalah saya menarik perhatian para hadirin sekalian bahawa demi kepentingan pengkajian sejarah kita di dalam semua aspeknya, baik dari segi sastera, kesenian, agama dan lain-lain; kita masih lagi memerlukan bahan-bahan yang mempunyai unsur sejarah. Saya mengambil peluang ini menyeru kepada tuan-tuan dan puan-puan yang mempunyai dan menyimpan barang-barang lama, akhbar-akhbar lama, gambar-gambar, buku-buku dan lain-lain lagi, yang tidak boleh didapati lagi sekarang ini supaya menghantarnya ke Muzium Negara atau ke Jabatan Arkib Negara untuk disimpan dengan sempurna dan selamat. Dengan itu dapatlah lebih ramai orang

menyaksikannya dan dapat pula dijadikan bahan kajian oleh peminat-peminat sejarah kita.

Tuan-tuan dan puan-puan;

Sesungguhnya kita sekalian hidup di dalam zaman yang paling bersejarah di negeri ini. Tidaklah dapat dinafikan bahawa masa 10 tahun yang lepas ini merupakan zaman yang penuh dengan peristiwa-peristiwa yang bersejarah. Kita hidup dalam zaman yang penuh dengan pergolakan, perjuangan dan pembangunan – kita hidup dalam satu revolusi-revolusi yang tidak menumpahkan darah – Revolusi Senyap!

Bukan sahaja kita mengkaji sejarah; bahkan kita juga sedang mencipta sejarah. Oleh itu adalah mustahak bagi kita menjaga dan memelihara bahan-bahan yang bernilai sejarah yang berlaku di keliling kita sekarang ini, supaya akan dapat menolong peminat-peminat sejarah masa depan untuk mengkaji kita pula.

Yang Teramat Mulia Tunku,

Patek dengan hormatnya mempersilakan Tunku memberi sedikit ucapan dan merasmikan pembukaan Pameran Sejarah Malaysia hari ini.

Terima kasih.